

Malaysia mampu pelopori industri komersial herba

MALAYSIA berpotensi untuk dijadikan pusat kecemerlangan dalam penyelidikan rawatan kanser berasaskan herba kerana pertumbuhan industri herba yang semakin meningkat selain kaya dengan kepelbagaian biologi.

Industri herba di negara ini ketika ini mengalami kadar pertumbuhan antara 15 dan 20 peratus setahun dengan nilai perdagangan sebanyak RM4.5 bilion.

Bagaimanapun, tidak banyak usaha dilakukan untuk menjalankan penyelidikan mengenai produk tumbuhan herba yang mudah didapati menjalar di permukaan bumi ini.

Usaha yang dijalankan sekumpulan penyelidik Cancer Research and Drug Discovery Group (CRDD), Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan kajian sebatian aktif dalam herba di negara ini boleh dianggap tepat pada masanya.

Penyelidikan itu dijalankan Jabatan BioPerubatan Sains, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Sains UPM, diketuai Dr Johnson Stansas yang memperoleh sumber ekstrak herba daripada Autoimmune Sdn Bhd (Autoimmune).

Selain menggunakan sebatian identiti tunggal daripada herba, CRDD juga menjalankan kajian dalam usaha memperkembangkan ekstrak herba sebagai penawar berikutan tindak balas aktiviti antikanser secara in vitro diikuti dengan kajian in vivo yang menggunakan haiwan yang diaruh kanser.

Dr Stansas berkata, kaedah penyelidikan yang diamalkan UPM adalah mengikut piawai antarabangsa.

Beliau berkata, Autoimmune membekalkan 35 jenis ekstrak herba kepada UPM selama setahun untuk dinilai dan dikaji dalam usaha mencari penawar penyakit kanser.

"Ketika ini banyak ubat berasaskan herba dihasilkan di pasaran termasuk herba yang dihasilkan masyarakat Cina tetapi keberkesanan ujiannya turut dipertikaikan kerana mengandungi campuran yang mungkin memberi kesan kimia dalam tempoh jangka panjang," katanya.

Beliau berkata, ketika ini negara memiliki Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang menjalankan ujian membabitkan haiwan iaitu menerusi kaedah in-vivo.

Bagaimanapun, kemudahan itu agak terhad dan terbatas serta berharap makmal seumpama itu dapat didirikan di UPM bagi membolehkan ujian lanjutan bagi mencari penawar penyakit kanser dapat dijalankan dengan giat.

Dr Stansas berkata, pembinaan makmal khas bagi tujuan itu membabitkan kos pembinaan yang tinggi dan kadang-kala mencecah sehingga RM1 juta kerana binatang yang digunakan seperti tikus adalah daripada spesies yang berlainan berbanding tikus biasa.

"Tikus yang digunakan adalah untuk tujuan penyelidikan perubatan yang mana tikus ini tidak berbulu dan bebas daripada sebarang penyakit.


"Makmal yang dibina pula membabitkan proses nyah kuman yang ketat dan semua kakitangan perlu menggunakan pakaian meliputi penutup mulut, rambut serta kasut bagi memastikan penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih berkesan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Autoimmune, Patriek Yeoh berkata, ekstrak herba ASB001 itu adalah hasil campuran lima jenis herba yang di jalankan di makmal ujian milik syarikat.

Beliau berkata, pihaknya mendapati tumbuhan herba di negara ini berpotensi dimajukan sekiranya usaha penyelidikan giat dijalankan dan UPM di pilih kerana institusi pengajian tinggi itu mempunyai kepakaran serta diiktiraf.

"Autoimmune giat menjalankan penyelidikan bagi tumbuhan berasaskan herba dan sudah menghasilkan produk bagi merawat penyakit hepatitis B.

"Sekiranya ekstrak herba ASB001 ini benar-benar terbukti mampu merawat kanser, kami bercadang mengkomersialkan produk ini di peringkat antarabangsa," katanya.



DR STANSLAS menunjukkan hasil penyelidikan herba sambil diperhatikan dua dari kanan Pengarah Autoimmune, T.H Lim, Yeoh dan Pengarah Perhubungan Awam dan Antarabangsa UPM, Prof Dr Mohd Ali Rajion di UPM.